

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Budaya dan Seni -PBS
Sent: Thursday, April 13, 2017 2:55 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Teater Dhia Tonjol Bakat Baru Teater Warna



"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"

(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

13 APRIL 2017, KHAMIS | 16 REJAB 1438H



HEP: Kumpulan Teater Warna Pusat Budaya dan Seni (PBS) dengan kerjasama Persatuan Kerja Sosial telah berjaya mementaskan teater Dhia semalam di Dewan Budi Siswa Pusat.

Menurut Pengarah Produksi, Husna Yaacob berkata teater ini berkisarkan tentang seorang perempuan buta yang bercita-cita untuk membuka sebuah badan kebajikan.

"Cerita ini juga mengisahkan tentang latar masyarakat yang diuji dengan pelbagai ujian, antaranya kemiskinan hidup, kecacatan yang tak diduga, hakikat yang sukar diterima dan pelbagai lagi.

Tambah Husna lagi, tujuan lain teater ini dipentaskan adalah untuk menghidupkan bakat-bakat baru yang mempunyai minat terhadap teater.

“Saya berharap Teater Warna dijadikan sebagai landasan kepada mahasiswa untuk terus bergiat dalam seni lakonan ini” katanya.

Sementara itu, Pengarah PBS Huzaidy Hussain berkata pementasan teater ini dapat mendekatkan hubungan naluri, pemikiran dan cita rasa penggiat teater dengan mahasiswa melalui persembahan teater,” katanya.

“Melalui pementasan ini juga Warna dapat mencari arah kecemerlangan pementasan teater yang lebih berkualiti serta mempamerkan kemantapan persembahan mereka,” ujarnya.

“PBS sentiasa menyokong dan menggalakkan Warna untuk bergiat secara berterusan bagi mencapai tahap pementasan yang dianggap layak untuk dipentaskan ke peringkat lebih tinggi,” katanya lagi.

“Selain itu, pementasan ini juga dilihat sebagai platform merakytakan seni disamping dapat mencungkil bakat baru dalam kalangan mahasiswa”, tambahnya.

Teater Dhia dijayakan oleh 12 pelakon utama dengan dibantu 32 tenaga produksi.

Hadir menyaksikan persembahan tersebut ialah Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Dr. Mohd Dino Khairri Shariffuddin dan Dekan Pembangunan Pelajar dan Alumni Kolej Sastera dan Sains Dr. Massudi Mahmuddin

Daripada:

PUSAT BUDAYA DAN SENI
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-928 4215
FAKS : 04-928 4222
EMAIL : pbs@uum.edu.my
WEB : <http://pbs.uum.edu.my>



Save a tree.

Please don't print this e-mail unless it's necessary.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood

as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.